



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
INTELLECTUAL PROPERTY CORPORATION OF MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MYIPO ANJUR SEMINAR SEBAGAI PERSEDIAAN PELAKSANAAN SISTEM MADRID: USAHAWAN BOLEH DAFTAR DAN LINDUNGI JENAMA DI 122 NEGARA -

KUALA LUMPUR, 6 November 2019 – Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) hari ini menganjurkan seminar khusus buat usahawan di kawasan utara sebagai persediaan pelaksanaan Sistem Madrid tidak lama lagi. Seminar yang dianjurkan bersama Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WIPO) dan Persatuan Harta Intelek Malaysia (MIPA) di rasmikan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Chong Chieng Jen.

Pelaksanaan Sistem Madrid di Malaysia adalah lanjutan daripada pindaan Rang Undang-Undang (RUU) Cap Dagangan yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 2 Julai 2019 dan Dewan Negara pada 23 Julai 2019. RUU tersebut membolehkan Malaysia menyertai Protokol Madrid, iaitu sistem pendaftaran cap dagangan antarabangsa yang ditadbir oleh WIPO. Malaysia secara rasmi telah mendeposit instrumen untuk menyertai Protokol Madrid kepada WIPO di Geneva pada 27 September yang lalu. Penyertaan ini menjadikan Malaysia sebagai ahli ke-106 Sistem Madrid dan akan berkuat kuasa pada 27 Disember ini.

Sistem Madrid adalah sistem pendaftaran cap dagangan antarabangsa yang membolehkan pemilik cap dagangan mendapat perlindungan di beberapa negara (*multiple countries*) melalui permohonan antarabangsa tunggal (*single application*). Sistem ini bakal memberi faedah kepada pemilik jenama tempatan bagi melindungi dan mempromosikan produk dan jenama di 122 negara di seluruh dunia, mengikut negara yang dipilih. Sistem pendaftaran ini akan dapat membantu usahawan dan syarikat tempatan untuk mendaftar cap dagangan mereka di luar negara dengan lebih mudah pada kos yang lebih rendah berbanding sistem pemfailan sedia ada.

- Lagi -

Seramai 200 orang peserta hadir ke seminar ini yang bertemakan *Branding and the Madrid System for the International Registration of Marks*. Hadir sama Ketua Pengarah MyIPO, Dato' Mohd Roslan Mahayudin.

#

Mengenai MyIPO

MyIPO, sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bertanggungjawab untuk pembangunan dan pentadbiran sistem hak harta intelek (IPR) di Malaysia. MyIPO menyediakan infrastruktur perundangan yang kukuh dan sistem pentadbiran yang berkesan untuk meningkatkan inovasi dan kreativiti. Untuk maklumat lanjut, layari www.myipo.gov.my.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

AKHTAR SAHARI, Ketua Komunikasi Korporat MyIPO

Tel: 012 6725667